



43. Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Pilih pernyataan yang betul berkenaan dengan rajah tersebut.

- A Pengeluaran bermatlamatkan maksimum jualan
  - B Teknologi yang canggih dalam pengeluaran
  - C Harga faktor pengeluaran meningkat
  - D Subsidi diberikan oleh kerajaan naik
44. Manakah yang betul berkaitan keseimbangan pasaran?
- A Lebih permintaan menyebabkan harga cenderung untuk menurun mencapai keseimbangan
  - B Harga pasaran ditentukan melalui persilangan dua keluk penawaran dalam pasaran
  - C Lebih penawaran berlaku kerana kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan pada setiap tingkat harga
  - D Harga adalah tidak berubah jika kuantiti penawaran menyamai kuantiti permintaan
45. Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk keseimbangan pasaran baju



Apakah yang akan berlaku dalam pasaran apabila tingkat harga berada pada RM12?

- I Harga cenderung menurun
  - II Keseimbangan pasaran dicapai
  - III Lebih permintaan sebanyak 4 unit
  - IV Lebih penawaran sebanyak 4 unit
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

## 2.2 KEANJALAN

46. Jadual 3 menunjukkan harga dan kuantiti diminta terhadap dapur elektrik.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
400	1 000
350	1 200

Jadual 3


Berapakah nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut jika harga jatuh daripada RM400 kepada RM350?

- A 0.63  
 B 0.75  
 C 1.33  
 D 1.60
47. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti permintaan bagi suatu barang.

Harga (RM)	20	25
Kuantiti diminta (unit)	100	70

Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan barang tersebut apabila harga naik?

- A 0.03  
 B 0.83  
 C 1.20  
 D 3.00
48. Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan tudung Saloma.



Rajah 3

Berapakah kuantiti **X** jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 2.5?

- A 60 Unit  
 B 65 Unit  
 C 70 Unit  
 D 75 Unit

**Permintaan sesuatu barang cenderung menjadi tidak anjal jika**

- A ada banyak pengganti  
 B mempunyai pelbagai kegunaan  
 C kurang firma yang mengeluarkan  
 D melibatkan ketagihan yang tinggi

49. Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi dua jenis barang.


Barang	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta	Peratus Perubahan Harga
X	20	10
Y	10	15

Jadual 1

Apakah jenis keanjalan harga permintaan bagi Barang X dan Barang Y?

	Barang X	Barang Y
A	Anjal	Tidak anjal
B	Tidak anjal	Anjal
C	Anjal	Anjal
D	Tidak anjal	Tidak anjal

50. Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.




Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

- A 0.15  
B 0.25  
C 0.42  
D 1.66

Rajah 3 di bawah menunjukkan keluk permintaan untuk barang P.

- 51.



Rajah 3

Hitungkan pekali keanjalan harga permintaan barang tersebut.

- A 0.4  
B 1.0  
C 1.4  
D 3.5

52. Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti permintaan bagi suatu barang.

Harga(RM)	5	8
Kuantiti Diminta (unit)	20	12

Jadual 2

Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM 5 ke RM8?

- A 0.67  
B 0.94  
C 1.50  
D 1.77

53. Jadual 3 menunjukkan pekali keanjalan harga permintaan bagi dua jenis barang.

Barang P	Barang Q
0.6	1.4

Jadual 3

Pasangan yang manakah betul?

	Barang	Pernyataan
A	P	Keluk permintaan adalah landai
B	P	Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga
C	Q	Peratus perubahan harga melebihi peratus perubahan kuantiti
D	Q	Contoh barang ialah barang keperluan

54. Apakah faktor yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan suatu barang?

- A Jenis barangan  
B Tambahan kos  
C Mobiliti faktor pengeluaran  
D Ketersediaan stok atau inventori

55. Jadual 4 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang K.

Peratus perubahan kuantiti diminta	Peratus perubahan harga barang itu
50	35

Jadual 4

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A Kegunaan yang pelbagai dinikmati oleh masyarakat dalam pasaran  
B Tanggungan cukai oleh peniaga lebih kecil berbanding pengguna  
C Peniaga perlu naikkan harga untuk tingkatan jumlah hasil  
D Contoh produk tersebut adalah kategori barang keperluan

56. Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
P	10	5
Q	5	20

Jadual 2

Penyataan yang manakah betul tentang maklumat dalam jadual tersebut?

- A Contoh barang Q ialah getah  
B Jenis keanjalan barang P ialah anjal  
C Penurunan harga barang Q akan meningkatkan hasil pengeluar  
D Apabila harga barang P naik sebanyak 2%, kuantiti diminta turun sebanyak 10%


57. Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi barang XY.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta
20	10

Jadual 2

Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pengeluar untuk meningkatkan hasil jualan bagi barang XY?

- A Pengeluar meningkatkan harga barang XY.
  - B Pengeluar menurunkan harga barang XY.
  - C Pengeluar meningkatkan permintaan barang XY.
  - D Pengeluar menunggu kerajaan memberikan subsidi.
58. Pengeluar perlu meningkatkan harga barang untuk memaksimumkan jumlah hasil jika barang tersebut
- A Tidak mempunyai banyak barang pengganti
  - B Darjah ketagihan barang adalah rendah
  - C Nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
  - D Jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah
59. Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan tidak anjal bagi suatu barang.



Apakah kesan ke atas kuantiti diminta apabila berlaku perubahan harga?

- A Pengurangan kuantiti sebanyak 30%
- B Peningkatan kuantiti sebanyak 20%
- C Peningkatan kuantiti sebanyak 30%
- D Pengurangan kuantiti sebanyak 20%

Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang di pasaran.

60

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
1.50	13
2.50	12

Jadual 1

Pernyataan yang manakah betul jika harga meningkat?

- A Contoh barang adalah barang keperluan
- B Nilai keanjalan harga permintaan melebihi 1
- C Peratus kenaikan harga adalah sebanyak 50%
- D Pengeluar akan menurunkan harga barang bagi memaksimumkan hasil

61 . Apakah yang dimaksudkan dengan keanjalan harga penawaran?

- A Tindak balas kuantiti akibat daripada perubahan tingkat teknologi firma
- B Tindak balas harga akibat daripada peningkatan permintaan pengguna
- C Darjah tindak balas perubahan harga yang ditawarkan akibat daripada perubahan kuantiti barang itu
- D Darjah tindak balas perubahan kuantiti yang ditawarkan akibat daripada perubahan harga barang itu

62 . Antara berikut, apakah faktor cip semikonduktor mempunyai nilai keanjalan harga penawaran yang anjal?

- I Barang tahan lama
- II Mempunyai pelbagai kegunaan
- III Faktor pengeluaran mudah diperolehi
- IV Jumlah firma dalam pasaran adalah banyak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

63 . Pernyataan yang manakah betul tentang keanjalan harga penawaran?


- A Contoh barang anjal ialah kelapa sawit
- B Barang anjal mempunyai pekali lebih besar daripada satu
- C Dalam jangka masa panjang penawaran adalah tidak anjal
- D Mengukur peratus perubahan harga yang ditawarkan kesan daripada peratus perubahan kuantiti

64 . Jika penurunan harga sesuatu barang daripada RM5.00 kepada RM4.00 menyebabkan penawaran berkurang sebanyak 30%, berapakah nilai keanjalan harga penawaran?

- A 0.7
- B 0.8
- C 1.5
- D 1.7

Rajah 5 menunjukkan keluk penawaran suatu barang.

65



Rajah 5

Berapakah keanjalan harga penawaran tersebut jika harga berubah 20%?

- A 0.20
- B 0.80
- C 1.00
- D 1.25

64

Maklumat berikut berkaitan dengan nilai keanjalan harga penawaran barang A.

$$E_s = 0.5$$

Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan barang tersebut.

- A Harga barang dinaikkan untuk menambah jumlah hasil
- B Pengguna sangat responsif terhadap perubahan harga
- C Nilai pekali keanjalan adalah anjal
- D Contoh barang adalah pakaian

Sesuatu barang cenderung menjadi keanjalan harga penawaran anjal jika

- A penawaran dalam jangka masa pendek
- B bilangan firma dalam pasaran adalah banyak
- C tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
- D faktor pengeluaran sukar diperolehi dan ditambahkan

65

Jadual berikut berkaitan dengan harga dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (Unit)
2	8
4	20

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran tersebut jika harga meningkat?

- A 0.17
- B 0.67
- C 1.20
- D 1.50